

Headline	JAS, JMG lakukan pemeriksaan menyeluruh projek EKVE: Wan Junaidi		
MediaTitle	Utusan Borneo Sarawak		
Date	05 Dec 2017	Color	Full Color
Section	News	Circulation	45,554
Page No	16	Readership	136,662
Language	Malay	ArticleSize	207 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,342
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 4,027



JAS, JMG lakukan pemeriksaan menyeluruh projek EKVE: Wan Junaidi

KUALA LUMPUR: Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar meminta Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) melakukan pemeriksaan menyeluruh projek Lebuh raya East Klang Valley Expressway (EKVE) yang didakwa mengakibatkan banjir di kawasan

berhampiran.

Menterinya Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata JMG sedang membuat kajian terperinci terhadap cerun, pergerakan tanah dan tanah runtuh di kawasan itu.

Beliau berkata projek itu telah dikenakan Perintah Berhenti Kerja di bawah

Seksyen 34AA(1)(b) dan 34AA(2)(c), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 pada 24 Okt lepas susulan aduan dan kegagalan EKVE melaksanakan kawalan hakisan dan kelodakan di tapak projek itu.

"Perintah Berhenti Kerja masih berkuat kuasa dan akan diteruskan sehingga

pihak kementerian berpuas hati dengan semua langkah-langkah pembaikan, kawalan hakisan dan kelodakan yang dilaksanakan," katanya dalam kenyataan semalam.

Beliau mengulas mengenai laporan media berhubung aduan penduduk Kampung FELCRA Semunggis, Hulu Langat yang mendakwa pro-

jek itu menyebabkan banjir di kampung itu.

Menjelas lanjut, Wan Junaidi berkata hasil pemantauan selepas arahan berhenti kerja itu, JAS Selangor mendapati tiada kejadian banjir dan tiada kerja tanah dan pembinaan berjalan seperti aduan yang disiarkan itu.

"Hanya terdapat beberapa komponen kawalan hakisan dan kelodakan yang rosak akibat hujan berterusan dan lebat beberapa hari kebelakangan ini," katanya.

Projek EKVE adalah projek pembinaan lebuh raya sepanjang 24 kilometer bermula dari persimpangan bertingkat Sungai Long

hingga Ukay Perdana.

Projek terbahagi kepada tiga pakej iaitu dari persimpangan bertingkat Sungai Long ke Hulu Langat (14km), Hulu Langat ke persimpangan bertingkat Ukay Perdana (10km) dan Taman Sierra Ukay ke persimpangan Kg Pasir, Ampang (3km). — Bernama